

| | | | |
|------------|----------------|---------|--------|
| TARIKH | 15 / 11 / 2016 | SEKSYEN | NEGARA |
| MUKA SURAT | 10 | RUANGAN | |

Didapati bersalah miliki dokumen rahsia 1MDB

Rafizi dijel 18 bulan

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

KUALA LUMPUR – Ahli Parlimen Pandan, Mohd. Rafizi Ramli, 39, dijatuhi hukuman penjara 18 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas didapati bersalah memiliki dan mendedahkan laporan pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada Mac lepas.



RAFIZI

Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu menghadapi dua pertuduhan iaitu didakwa memiliki tanpa kebenaran satu halaman muka surat 98 mengenai Laporan Pengauditan 1MDB yang merupakan kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

Hakim Zulqarnain Hassan menjatuhkan hukuman penjara 18 bulan bagi setiap pertuduhan yang dihadapi Mohd Rafizi dan memerintahkan hukuman tersebut secara serentak.

Zulqarnain membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di lobi bangunan Parlimen, Jalan Par-

limen di sini pada pukul 3 petang 24 Mac lepas, mengikut Seksyen 8(1)(c)(iii) Akta Rahsia Rasmi 1972 yang membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun jika sabit kesalahan.

Mohd. Rafizi turut menghadapi pertuduhan kedua iaitu didakwa mendedahkan kandungan laporan tersebut dalam sidang akhbar di tempat dan masa sama pada 28 Mac lepas mengikut Seksyen 8(1)(c)(iv) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Shukur Abu Bakar dalam hujahnya memohon supaya mahkamah mengenakan hukuman setimpai bersandarkan kepada dua faktor iaitu kepentingan awam dan keseriusan kes terbabit.

"Masalah jenayah membabitkan Akta Rahsia Rasmi (OSA) adalah serius serta perlu dibendung.

"Sebagai Ahli Parlimen, tertuduh seharusnya bertanggungjawab untuk menghormati undang-undang," katanya.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan difailkan

ke Mahkamah Tinggi dengan menaikkan jumlah jaminan daripada RM3,000 kepada RM5,000.

Mohd. Rafizi yang diwakili peguam bela Gobind Singh Deo membayar wang jaminan tersebut.

Pada 27 September lalu, Mohd Rafizi yang juga Setiausaha Agung PKR memberi keterangan pembelaan secara bertulis dalam kandang tertuduh.

Sementara pihak pendakwaan mengemukakan tujuh saksi pendakwaan dalam prosiding perbicaraan yang bermula pada 31 Mei lalu.

Dalam pada itu, Mohd. Rafizi tidak boleh bertanding dalam pilihan raya umum akan datang sekiranya Parlimen dibubarkan dalam masa terdekat, kata peguamnya, Gobind Singh.

"Mohd. Rafizi hilang kelayakan untuk bertanding sebagai calon kerana dalam undang-undang seseorang yang telah disabitkan dan dihukum denda RM2,000 atau penjara lebih setahun tidak boleh menjadi calon.

"Namun, kedudukan dia sebagai Ahli Parlimen masih kekal dan dia boleh menghadiri persidangan Dewan Rakyat sehingga rayuannya diputuskan oleh Mahkamah Rayuan kelak," katanya.

INFO

kes mahkamah melibatkan Mohd. Rafizi Ramli

- **1 November 2016** – Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan denda RM1,950 terhadap Mohd. Rafizi selepas dia mengaku bersalah atas tuduhan menganjurkan perhimpunan Blackout 505 di Padang Merbok, Kuala Lumpur tiga tahun lalu.
- **31 Oktober 2016** – Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengarahkan Mohd. Rafizi membayar RM150,000 kepada Pengerusi National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), Datuk Seri Mohamad Salleh Ismail, RM50,000 kepada NFC dan kos mahkamah sebanyak RM100,000 atas tuduhan memfitnah NFC menggunakan dana kerajaan sebagai pengaruh untuk mendapatkan pinjaman bagi lapan hartanahnya.
- **8 April 2016** – Mohd. Rafizi mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan membabitkan dakwaan beliau berhubung Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan tohmahan terhadap Tabung Haji.
- **26 Januari 2016** – Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, Selangor menjatuhkan denda RM1,800 terhadap Mohd. Rafizi selepas didapati bersalah mengeluarkan kenyataan mengaibkan dan membangkitkan kemarahan ahli UMNO melalui satu artikel pada Februari 2014.